

Multimedia Medium Pembangunan Dakwah

Aiza Budin

Minah Dibok

Ruaain Mustari

Sharifah Faigah Syed Alwi

ABSTRAK

Perkembangan teknologi maklumat masa kini telah memberi sumbangan yang amat besar dalam kehidupan masyarakat, khususnya kepada masyarakat Islam. Ia bukan sahaja sebagai agen perubahan yang memberi sumber pelbagai maklumat, bahkan jika digunakan dengan sebaiknya boleh menjadi medium yang berkesan dalam berdakwah. Islam tidak menghalang penggunaan medium komunikasi untuk manfaat pembangunan ummah. Bagi memastikan penyebaran komunikasi yang berkesan, tiga fungsi utama pancaindera manusia iaitu pendengaran, penglihatan dan hati mestilah digunakan dengan sebaik mungkin. Keutamaan kepada literasi multimedia membolehkan pemikiran kreatif dan kritis orang ramai berkembang melalui analisis dan penerbitan bahan-bahan media secara sistematik. Perkongsian maklumat berkomputer pula sangat diperlukan dalam berdakwah kerana kaedah ini lebih cepat dan mudah, murah, tiada sempadan dan interaktif. Oleh yang demikian, persediaan ummah adalah sangat penting bagi mengintegrasikan multimedia dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan yang boleh menempatkannya sebagai wasilah dakwah kepada masyarakat dunia. Walau bagaimanapun, tarikan dan keberkesaan dakwah bukan sahaja disebabkan oleh kesesuaian pemilihan isi dan gaya persembahan, malah ia juga disebabkan oleh kesesuaian media dan saluran. Sekiranya ketiga-tiga ini dapat disesuaikan, maka penggunaan multimedia sebagai medium dakwah merupakan sesuatu yang sangat efektif.

Kata Kunci: *multimedia, dakwah, pembangunan*

Pengenalan

Telah diakui ramai bahawa internet adalah agen perubahan abad 21, sumber pelbagai maklumat, sistem komunikasi pantas dan murah, jaringan manusia globalisasi, membentuk dunia siber yang tersendiri serta menyediakan prasarana dan peluang perniagaan. Asas kepada peradaban dan kekuatan era maklumat ialah maklumat itu sendiri. Dengan kepantasan perkembangan teknologi maklumat, komputer dan komunikasi, maklumat kini lebih kaya, interaktif dan wujud dalam pelbagai format dan media atau multimedia. Lyotard (1986) memperingatkan;

Ada kemungkinan bahawa negara-negara bangsa pada suatu hari akan berjuang untuk menguasai informasi, sebagaimana mereka berjuang di masa lalu untuk menguasai sesuatu wilayah, dan kemudian menguasai laluan masuk dan mengeksplorasi bahan-bahan mentah dan tenaga murah. Sebuah bidang baru terbuka dan strategi-strategi industri di satu pihak, dan strategi-strategi politik serta ketenteraan di satu pihak.

Isunya sekarang adalah bagaimana untuk membabitkan masyarakat Islam dalam pembangunan dan penggunaan multimedia. Apakah sumbangan teknologi multimedia terhadap Islam? Mengapa umat Islam perlu terlibat sama di arena multimedia? Persoalan-persoalan ini mengundang jawapan-jawapan jelas lagi segera bagi menggerakkan umat menjadi proaktif dalam meraih peluang dan menyahut cabaran teknologi.

Definisi

Istilah multimedia buat pertama kalinya telah digunakan dalam tahun 1960-an bagi menggambarkan persembahan yang menggabungkan slaid dengan pita video. Setelah perkembangan utamanya bermula pada tahun 1970-an dengan pelancaran cakera-video *Laservision* oleh Philips dan seterusnya sehingga kini multimedia telah menular ke pelbagai bidang terutamanya perkomputeran dan komunikasi.

Multimedia dalam konteks yang ingin diterjemahkan ialah merujuk kepada integrasi yang dikawal oleh komputer bagi teks, grafik, imej bergerak atau kaku, animasi, bunyi dan lain-lain pengantara di mana setiap bentuk maklumat boleh diwakilkan, disimpan, disalurkan dan diproses secara digital. Definisi multimedia yang lebih teknikal adalah seperti berikut (Mashkuri Hj Yaakub, Salimah Mokhtar dan Abdullah Abdul Ghani 1999);

Sistem multimedia dicirikan sebagai kawal-komputer, penghasilan bersepadu, pengolahan, persembahan, penstoran, dan komunikasi bagi maklumat bebas yang dikodkan sekurang-kurangnya perantara selanjar (bersandar pada masa) dan diskrit (tiada persandaran masa).

Daripada definisi yang dipaparkan, boleh dirumuskan ciri-ciri multimedia seperti berikut (Mashkuri Hj Yaakub, Salimah Mokhtar dan Abdullah Abdul Ghani 1999);

i. Digital dan dikawal komputer:

Maklumat wujud dalam format yang sesuai bagi pengolahan oleh komputer, iaitu berbentuk digital.

ii. Teragih:

Maklumat yang disalurkan adalah terasing, sama ada telah dihasilkan terlebih awal dan distorkan atau dihasilkan dalam masa nyata.

iii. Interaktif:

Ada kemungkinan untuk memberi kesan terhadap maklumat yang diterima serta boleh menghantar maklumat sendiri.

iv. Bersepadu:

Perantara diperlakukan dengan cara yang sekata, dipersembahkan dengan cara yang tersusun, tetapi boleh diolah secara berasingan.

Manakala definisi dakwah berasal dari perkataan bahasa Arab iaitu *da'a* yang mempunyai beberapa pengertian. Antara pengertian dari sudut bahasa ialah meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, mengambil, menyeru dan melaung. (Ibn Manzur t.t.)

Definisi dakwah dari segi istilah pula sebagai suatu program atau *barnamij* yang lengkap, yang kesemua peringkat mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup serta menyingkap petunjuk kepada manusia. (Muhammad al-Ghazali 1989)

Menurut Yusuf al-Qardawi (1978), dakwah adalah sebagai usaha membawa orang lain kepada Islam supaya mengikuti petunjuk agama iaitu melaksanakan segala ketetapan di muka bumi ini, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah sahaja, melepaskan diri dari segala kongkongan yang bukan dari Allah (*taghut*) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad kepada jalannya.

Adam Abdullah al-Aluri pula berpendapat bahawa dakwah ialah memalingkan pandangan dan akal manusia kepada akidah yang memberi faedah dan kemaslahatan kepada mereka (Adam Abdullah al-Aluri t.t.).

Berdasarkan daripada definisi dakwah yang dikemukakan oleh para ulamak menurut istilah dapat disimpulkan bahawa dakwah bukan sekadar mengajak sesuatu kaum menerima Islam malah ia juga mengajak manusia ke arah kebaikan, mengubah diri, menghayati dan menjauhkan diri dari kemungkaran serta mempraktikkan apa yang terkandung dalam Islam kerana apa yang terkandung dalam Islam merupakan pendidikan dan pengajaran kepada manusia sejagat.

Apabila dirujuk kepada definisi multimedia dakwah ia boleh dertiakan satu usaha mengajak atau menyeru manusia kepada mengenali Islam, menerima dan menghayatinya yang dilaksanakan menerusi kaedah, cara dan pendekatan tertentu melalui penggunaan dua atau lebih jenis bentuk media (video bergerak, audio, gambar, grafik, animasi, teks dan perkhidmatan internet). Justeru, apabila membicarakan mengenai berdakwah dalam era multimedia, maka ia akan menyentuh sama ada penggunaan multimedia ini dibenarkan oleh Islam atau tidak dan apakah sikap pendakwah mengenainya serta apa pula masalah yang perlu diatasi berhubung dengan penggunaan multimedia dalam berdakwah.

Islam dan Penyebaran Komunikasi

Dari sudut ajaran, Islam tidak melarang penggunaan medium komunikasi untuk manfaat pembangunan ummah. Budaya Islam adalah budaya ilmu. Ilmu mempunyai makna yang lebih mendalam dari maklumat kerana ilmu tidak boleh dimonopoli oleh individu atau kumpulan tertentu dan penghayatan ilmu memberi kesan kepada pembangunan insan. Sesiapa sahaja yang mempunyai keupayaan berhak mencapai ilmu. Dalam Islam, individu atau sumber yang mempunyai ilmu dipertanggungjawabkan untuk menyebar atau menyampaikan kepada orang lain. Aktiviti penyebaran, walaupun simboliknya satu huruf, memberi pengertian tentang perlunya setiap individu Muslim yang mempunyai kualiti keilmuan bagi membuat keputusan terbaik, mengorganisasi diri dan masyarakat (Zulkifle Abdul Ghani 1999).

Jika manusia tidak berupaya untuk meningkatkan hakikat kemanusiaan individu, wasilah atau cara (untuk mendapatkan ilmu pengetahuan) dan untuk mencapai keyakinan, hidayah dan iman tidak digunakan dengan sebaik-baiknya, maka martabat manusia pada waktu

itu akan menjadi lebih rendah daripada binatang. Ini kerana, binatang menggunakan pancaindera dengan sepenuhnya untuk menjaga kelangsungan generasinya. Namun manusia sengaja membuang fungsi indera yang dikurniakan oleh Allah sebagai pendokong risalah. Apa kurnia nilai akal jika kuasanya untuk kebaikan dibuang (Jabir Qamihah 1996)?

Al-Quran telah menempatkan akal yang tinggi dan mengingatkan tentang wajibnya beramal dan merujuk kepadanya. Isyarat itu tidak datang secara tidak langsung atau dalam bentuk spontan dalam ayat, tetapi dide dahukan pada setiap tajuk dengan bahasa yang kuat dan tegas dari segi lafaz dan dilalah (dalil). Al-Quran menyebut berulang-ulang kali ketika anjuran untuk menggunakan akal, melarang orang beriman mengongkong akal fikirannya dan mencela orang yang mencuaikan akal dengan mengenakan hukuman terhadapnya (Jabir Qamihah 1996). Pengulangan isyarat menggunakan perkataan akal bukan dengan satu makna sahaja, tetapi ia mengandungi berbagai-bagai tugas dan ciri-ciri mengikut kemampuan manusia. Di dalam al-Quran terdapat lebih kurang 750 rujukan berkaitan dengan ilmu dan tidak ada agama atau kebudayaan lain yang menegaskan dengan begitu tegas akan kepentingan ilmu dalam kehidupan manusia (Sulaiman Nordin 1995).

Menurut seorang doktor perubatan Perancis, Maurice Bucaille (1978) dalam bukunya *The Bible, The Quran and Science*:

Sementara terdapat kesalahan-kesalahan yang ketara di dalam Bible, saya tidak mendapati satu kesalahan pun di dalam al-Quran.

Islam dengan turunnya wahyu yang pertama yang memerintahkan Nabi Muhammad s.a.w. membaca ayat Iqra' dari surah al-Alaq itu sendiri sebenarnya telah menekankan betapa pentingnya pendidikan dan ilmu pengetahuan untuk mendidik manusia dan menggunakan akal untuk memerhati, meneliti dan mengkaji (al-Ghazali 1967) dan ayat Iqra' tersebut juga dari sudut psikologinya melibatkan keseluruhan struktur mental manusia (Hassan Langgulung 1978).

Prof. Dr. Mohammad 'Atiyyah al-Abrashi (1967) ada menjelaskan;

Pendidikan Islam itu biasanya hanya berbentuk akhlak, tetapi ia tidak meremehkan usaha mempersiapkan peribadi untuk hidup dan mengusahakan kehidupan dan mencari rezeki dan tidak melupakan pendidikan jasmani, akal, jiwa, kehendak rasa dan keperibadian.

Jika dilihat dalam sejarah Islam, teknologi bukanlah suatu yang asing tetapi merupakan sesuatu yang berterusan, berkembang bersama kepandaian manusia bagi memudahkan kehidupan. Teknologi yang berkaitan dengan senibina, ketenteraan, perkapalan, kimia, tekstil, pertanian dan komunikasi berkembang maju membantu membangunkan kecemerlangan Islam dan ummah sebelum abad ke-16 Masihi lagi (Yussoff Zaky Yacob 1970).

Dalam konteks ini, Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

Dan Allah telah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan kamu tidak mengetahui sesuatu pun dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati agar kamu bersyukur.

(Surah al-Nahl: 78)

Ayat di atas menjelaskan fungsi dan peranan tiga pancaindera utama iaitu pendengaran, penglihatan dan hati. Hal ini selaras dengan konsep multimedia yang menekankan soal kemahiran pendengaran, penglihatan dan analisis serta kajian. Fakta ini disokong pula oleh pendapat yang mengatakan bahawa 80% daripada apa yang dilihat, didengar dan diamalkan dapat diingati oleh manusia (Mashkuri Hj Yaakub, Salimah Mokhtar dan Abdullah Abdul Ghani 1999). Di kalangan pengkaji komunikasi, mereka berpendapat penyampaian mesej yang menggabungkan pelbagai media dalam satu masa boleh merangsang pancaindera manusia secara lebih aktif dan meninggalkan kesan lebih mendalam.

Menariknya, sejarah merekodkan bagaimana Rasulullah s.a.w. sebagai seorang *da'i* (pendakwah) dan komunikator yang paling ideal, tidak ketinggalan menggunakan *manhaj* (teknik) penyebaran yang canggih di zamannya. Sebagai seorang Rasul yang dipertanggungjawabkan dengan *tabligh* (menyampaikan dakwah), keberkesanan penyampaian mesej kepada khalayak sentiasa diutamakan oleh Baginda. Simbolik penyebaran Islam melalui surah al-Qalam (al-Quran 96: 4) dalam surah yang pertama diturunkan, diperaktikkan oleh Baginda dengan menggunakan 45 orang penulis yang bekerja merekod kata-kata, arahan dan aktiviti Baginda. Sementara itu, dalam pengucapan awam yang melibatkan khalayak yang besar, Baginda menggunakan *transmitter* (penyebar) iaitu sahabat-sahabat yang mempunyai suara yang kuat ditempatkan di tempat-tempat yang strategik bagi melaungkan kembali apa yang diucapkan oleh Baginda.

Contohnya, semasa baginda berucap di perhimpunan *haji wida'* (haji terakhir Rasulullah s.a.w.), Baginda dilaporkan menggunakan lebih seratus *transmitter* dan memilih tempat yang berlembah supaya ucapan Baginda boleh didengar dengan sempurna oleh puluhan ribu yang hadir, meskipun perkakasan mikrofon tidak ada pada masa itu (Mashkuri Hj Yaakub, Salimah Mokhtar dan Abdullah Abdul Ghani 1999). Nabi Muhammad s.a.w. bukan sahaja berdakwah melalui lisan, malah Baginda juga telah memperhebatkan aktiviti dakwah dengan menggunakan surat-surat yang diutuskan ke negeri-negeri yang berjauhan dengan Madinah. Rasulullah s.a.w. telah menghantar Dihyaj ibn Khalifah al-Kalbi kepada Caesar, Maharaja Hyraclius di Byzantine, ‘Abullah ibn Hudhafal al-Sahami kepada Chosrose, Maharaja Parsi, ‘Amr ibn Umaiyyah al-Damari kepada Negus Abyssinia, Hatib ibn al-Bata’ah al-Lukhami kepada al-Muqawadis, pemerintah Egypt dan Salit ibn ‘Amr al-Amari kepada Hawdhah ibn-Ali al-Hanafi di Yamammah (Akram Diya’ al-Umari 2000).

Selepas kewafatan Rasulullah s.a.w., budaya *written communication* (komunikasi bertulis) berkembang subur dalam masyarakat Islam di mana kertas, tulisan dan penyebaran komunikasi telah membina tamadun umat Islam yang cemerlang selama lebih 800 tahun. Kilang kertas pertama dibina di Baghdad pada tahun 793 Masihi semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid, manakala semasa pemerintahan Jaafar ibn Yahya, jentera pentadbiran kerajaan telah menggunakan kertas menggantikan kulit (*parchment*). Al-Ya’cubi, seorang ahli akademik Islam di penghujung abad ke-9 Masihi menyebut terdapat lebih seratus buah kedai buku di pinggir Baghdad pada masa itu. Industri buku melahirkan *waraqueen* (juru fotokopi) yang boleh menyalin dengan tangan lebih 100 muka surat manuskrip seharian. (Zulkifle Abdul Ghani 1999).

Keutamaan Literasi Multimedia

Perkembangan multimedia dan teknologi maklumat telah dihadapi oleh negara dengan strategi jangka panjang, iaitu dengan memperkenalkan literasi iaitu kebolehan menulis dan membaca (*Kamus Dewan* 1992) atau pengajian media untuk mewujudkan satu suasana yang boleh menjamin *public communication* (komunikasi awam) melalui rundingan dan pemahaman aktif. Di Malaysia, usaha ini juga dikenali sebagai celik media dan ini merupakan satu kegiatan yang masih muda. Celik media ini merujuk kepada usaha memahami proses penyediaan dan penyebaran maklumat oleh multimedia dan bagaimana menggunakan maklumat yang diperolehi secara bijaksana supaya seseorang itu dapat mengenal pasti

peranan dan pengaruh multimedia dalam kehidupannya. Bidang ini juga meneliti isu-isu sosial yang lebih besar seperti perhubungan kuasa dan institusi media, penerbitan teks media, penafsiran makna dan resepsi audien. Analisis media secara kritis dan penyertaan dalam hal-hal penerbitan multimedia diberi penekanan supaya satu perhubungan yang aktif di antara orang ramai dengan suasana hakikat sosial dapat diperkasakan (empowerment).

Persoalannya mengapakah literasi media harus diberi keutamaan. Umat Islam tidak hanya sebagai pengguna tetapi umat Islam juga harus sebagai pencipta. Menurut Shanti Balraj Ambigopathy (1999), masyarakat hari ini harus mementingkan generasi literasi media kerana beberapa sebab iaitu:

- i. Kadar penggunaan media yang kian tinggi dalam masyarakat semasa.

Dengan perkembangan teknologi yang pesat, kita menghabiskan masa lebih sehari bersama media.

- ii. Media mempengaruhi penafsiran dan pendapat kita mengenai sesuatu hakikat sosial.

Di sini media merupakan sistem-sistem simbolik yang menyampaikan ilmu, maklumat, berita atau hiburan yang terpilih (*selected*) untuk audiens di mana pemilihan dan penyediaan maklumat ini merangkumi keputusan untuk menyokong atau mengeneplikan keterangan dan gambaran tertentu.

- iii. Peranan media dalam mengurus, menerbit dan menyebarkan maklumat.

Biasanya pihak yang menerbitkan berita menguruskan maklumat demi menjaga kepentingan mereka dan pengguna yang menerima maklumat menggunakan maklumat itu sebagai berita atau hiburan secara “*innocent*”. Literasi media membolehkan pengguna mencabar ketidaksamaan dalam ilmu dan kuasa yang wujud di antara mereka yang menerbitkan maklumat dan mereka yang menerima maklumat tersebut.

- iv. Pergerakan literasi media ini juga diperlukan untuk membolehkan orang ramai mengenal pasti penerbitan maklumat yang berguna untuk pembangunan masyarakat dan penerbitan maklumat yang lebih menguntungkan kumpulan-kumpulan tertentu, khususnya dalam konteks penswastaan maklumat. Dengan perkembangan emayar global, masyarakat dunia akan berkongsi set-set imej dan tulisan-tulisan tertentu.

Terdapat beberapa faktor penggunaan perkongsian maklumat berkomputer ini yang sangat diperlukan dalam program dakwah iaitu (Abdullah Mohd. Zain dan Mohd. Jan Nordin 2000);

i. Cepat dan murah.

Sebagai contoh untuk menghantar suatu perutusan, katakan sepuccuk surat ke United Kingdom akan memakan masa selama 7 hari dengan pos biasa atau 3 hari dengan pos laju. Begitu juga dengan kos. Dengan pos biasa, kos penghantaran surat adalah sekitar RM3 dan dengan pos laju kira-kira RM50. Tetapi dengan menggunakan *e-mail*, perutusan tersebut dapat dihantar hampir dengan serta merta dengan kos yang sangat minimum.

ii. Mudah.

Disebabkan komputer adalah alat utama yang digunakan secara meluas sama ada di rumah atau di pejabat, perkongsian maklumat berkomputer adalah mudah digunakan.

iii. Tiada sempadan.

Perkongsian maklumat menggunakan komputer tidak terikat dengan perkongsian sempadan geografi atau politik. Perkongsian maklumat komputer telah membolehkan kita mencapai konsep “kampung sejagat”, kerana dengan menggunakan kaedah ini, kita boleh berkomunikasi dengan sesiapa sahaja di dalam dunia ini seolah-olah kita berada di dalam sebuah kampung yang kecil.

iv. Interaktif.

Komputer juga adalah interaktif dan ini juga menjadikan penggunaan komputer menarik.

v. Multimedia.

Perkongsian maklumat komputer tidak terhad kepada teks sahaja, sebaliknya maklumat boleh dihantar dalam bentuk gambar, suara dan video.

Asas kepada peradaban dan kekuatan era maklumat ialah maklumat itu sendiri. Dengan kepantasannya perkembangan teknologi maklumat, komputer dan komunikasi, maklumat kini adalah lebih kaya, interaktif dan wujud dalam pelbagai format. Dengan terhasilnya teknologi web yang kini menjadikan internet lebih berguna dan popular, maklumat multimedia juga boleh dialirkan dengan pantas, murah dan efektif ke seluruh dunia.

Persediaan Ummah

Apabila berfikir tentang dakwah Islam, kebanyakan intelektual Islam sama ada golongan modenis mahupun tradisionalis bergerak di dalam ruang yang sempit dan terkongkong. Dakwah Islam selalu dipersembahkan sebagai satu bentuk keagamaan. Golongan modenis percaya Islam di sekitar ibadah, kepercayaan dan ritual peribadi, manakala golongan tradisionalis selalu menerangkan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna.

Dari perspektif Islam, yang pertama harus disedar bahawa informasi dan teknologi maklumat akan mempunyai erti hanya apabila ia berada di dalam rangka pengetahuan tentang masyarakat; hanya apabila komponen sasarnya selaras dengan aspek-aspek mutlak, budaya dan subjektif sesuatu masyarakat, barulah informasi akan dapat memberikan sumbangan positif kepada ummah. Keselarasan seperti ini terjadi hanya jika negara-negara Islam menghasilkan informasi mereka sendiri dengan segala kelengkapan yang dapat memenuhi keperluan-keperluan ummah (Ziauddin Sardar 1995).

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan membentuk gaya dan kaedah pemikiran alternatif yang merangkumi pandangan hidup Islam? Adakah ia dapat dilakukan dengan serta merta seperti pembangunan Kuala Lumpur daripada bandar tradisional menjadi kota barat yang moden? Apakah yang perlu dilakukan oleh umat Islam untuk membentuk teknologi maklumat Islam?

Pada peringkat ini, umat Islam harus diberi peluang dan galakan untuk beberapa perkara berikut (Shanti Balraj Ambigapathy 1999):

- i. Menyelidiki jawapan dan penyelesaian kepada masalah-masalah dan isu-isu yang membingungkan mereka melalui proses pembacaan, penulisan, tontonan, penerbitan dan mendengar mengenai sesuatu yang bererti kepada mereka.
- ii. Menguasai kemahiran komunikasi untuk menyampaikan pandangan dan perasaan yang mereka anggap sebagai penting dalam kehidupan mereka.
- iii. Mencari ilmu dan ruang untuk memikirkan dan menilai isu-isu yang penting kepada diri mereka dan juga kepada masyarakat.
- iv. Menjadi warganegara dan ummah yang aktif, yang banyak membaca, menulis, mendengar dan menonton.
- v. Memahami mengapa kumpulan-kumpulan yang berlainan mempunyai pelbagai budaya dan kehidupan yang berbeza.

Perkara pertama yang perlu disedari di sini ialah bahawa tidak ada jalan pintas ke arah memperkembangkan teknologi Islam, tidak ada cara yang mudah untuk menghadapi gaya dan kaedah teknologi yang dominan. Penyelesaian serta merta walaupun jika dapat dilakukan, hanya akan melambatkan sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Kedua, ialah kita mesti mengevolusi cara umat Islam menyelesaikan masalah teknikal di dalam lingkungan batas-batas konteksnya. Ia tidak boleh dipisahkan daripada penemuan semula sains Islam, perkembangan teori dan praktik ekonomi Islam yang sesuai dan perkembangan faedah semasa bagi kajian tentang masyarakat dan budaya Islam (Ziauddin Sardar 1990). Empat bidang ini adalah saling berkaitan di antara satu sama lain. Secara umumnya, rangka kerja falsafah yang memajukan evolusi teknologi Islam telah sedia wujud dalam bentuk nilai Islam dan peraturan syariah yang menunjukkan ciri-ciri masyarakat Islam. Konsep-konsep seperti *al-adl* (keadilan), *istislah* (kepentingan umum), *khilafah* (kepimpinan) dan *iqtisad* (perekonomian) serta peraturan syariah misalnya dalam bidang alam sekitar seperti *harim* (kawasan pemeliharaan), *ihya* (pemulihan tanah) dan *hima* (rezab awam) dapat menggariskan lingkungan teknologi.

Strategi apapun bagi dunia Islam harus berusaha menempatkan teknologi maklumat dalam konteks ilmu pengetahuan tentang masyarakat dan kebijaksanaan tradisional. Umat Islam nampaknya mempunyai kesulitan tertentu dalam memahami dan menghargai kualiti yang terakhir ini. Namun demikian, dalam keadaan dunia Islam sekarang ini yang dipenuhi dengan pelbagai masalah yang meluas, pelik dan saling berkaitan; dan secara lebih umum keadaan umat manusia yang dipenuhi dengan banyak krisis, tidak ada yang boleh dianggap lebih merosakkan dan menghapuskan kepentingan kebijaksanaan ini.

The Shorter Oxford Dictionary (C.J. Onions t.t.) memberikan definisi umum mengenai istilah *wisdom* (bijaksana) ini sebagai;

Kemampuan untuk memberikan penilaian secara benar mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan kehidupan dan perilaku; atau kadangkala juga dierangkan, sekalipun agak longgar, sebagai akal sihat khususnya dalam masalah-masalah praktis.

Persediaan ummah di zaman ini ialah bagaimana mengintegrasikan multimedia dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan yang boleh menempatkannya sebagai wasilah dakwah masyarakat dunia. Sesungguhnya zaman moden ini telah mengubah keadaan kehidupan manusia. Kehidupan moden menuntut setiap orang bergerak pantas dan

cerdas dalam menjalani kehidupan hariannya. Ummah zaman moden mesti bersikap responsif dan positif terhadap perubahan ini (Faisal Hj. Osman 1994).

Umat Islam boleh melakukan perkara ini jika ummah itu sendiri menciptakan dan menyebarkan informasi teknologi maklumat yang tunduk pada sebahagian nilai dasar dan konsep utama pandangan dunia Islam. Sekurang-kurangnya ada tujuh konsep utama yang mempunyai kaitan langsung dengan penciptaan dan penyebaran informasi, yakni *tauhid* (keesaan), *al-'ilm* (ilmu pengetahuan), *hikmah* (kebijaksanaan), *al-adl* (keadilan), *al-ijmak* (kesepakatan), *al-syura* (musyawarah), *al-istislah* (kepentingan umum) dan *ummah* (masyarakat Islam sejagat).

Umat Islam harus berpaling kepada sarjana-sarjana Islam klasik untuk menghargai secara benar sifat kebijaksanaan ini. Islam mengistilahkannya dengan kalimah hikmah. Tentang hikmah al-Ghazali pernah mengatakan bahawa jika pengetahuan diperkembangkan dengan tepat sehingga menjadi sempurna, maka itulah hikmah. Ilmu pengetahuan boleh menjadi kutukan dan pujian, tetapi hikmah boleh membezakan penilaian antara yang benar dan yang keliru; dan antara keyakinan yang benar dan yang keliru dan antara perbuatan yang baik dan yang buruk. Al-Ghazali (Ziauddin Sardar 1995) mengemukakan empat manifestasi kebijaksanaan iaitu;

- i. Kemampuan atau kecekapan pentadbiran. Kecekapan ini memungkinkan seseorang menemukan cara terbaik untuk mendapatkan kebaikan bagi dirinya sendiri maupun bagi orang lain, misalnya dalam mengatur negara atau keluarga.
- ii. Kecermatan yang sangat. Kecekapan yang menolong untuk sampai kepada keputusan yang tepat ketika terjadi persilangan pendapat.
- iii. Kejernihan fikiran adalah wawasan yang membantu seseorang menerapkan cara-cara yang benar untuk mendapatkan hasil-hasil yang terbaik dalam sesuatu masalah tertentu.
- iv. Ketajaman fikiran adalah kecekapan untuk menemukan percikan-percikan yang halus dalam fikiran dan perbuatan, dan untuk menerima kebenaran langsung, yang ditunjukkan oleh pengalaman tanpa terjebak dalam alasan-alasan yang keliru tentangnya.

Ahli falsafah Islam telah melihat rangkaian menyeluruh fakta, informasi, ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan secara hierarki dengan kebijaksanaan berada di puncak tangga dan fakta-fakta berada di bawah yang sudah diakui secara umum terdapat hubung kait di antara konsep-konsep tersebut. Proses keseluruhannya terlihat di dalam sistem nilai

Islam dan diakui bahawa dari tiga anak tangga pertama (terbawah) dapat mengarahkan manusia kepada kegiatan-kegiatan yang terpuji.

Sebuah strategi informasi teknologi maklumat yang dikawal oleh konsep-konsep dasar Islam akan memiliki pengaruh yang mendalam pada masyarakat Islam. Selain menyembuhkan penyakit-penyakit peradaban Islam, ia juga dapat memberi dorongan baru untuk membangkitkan semula Islam. Manusia memerlukan pengetahuan yang terperinci tentang alam fizikal, alam kemanusiaan dan alam kemasyarakatan untuk menggunakan segala potensi ummah. Dr. Abdul Monir Yaacob (1994) menjelaskan;

Adalah satu kekeliruan yang besar dalam beragama Islam sekiranya tugas developmental dan temporal manusia yang terkandung dalam makna khalifah itu dibesar-besarkan seolah-olah ia tidak tertakluk atau dikawal oleh tugas'ubudiyyah yang dijelaskan dan diperincikan oleh akidah tauhid dan syariah Allah yang disampaikan kepada rasul-Nya Muhammad s.a.w.

Agama Islam dan masyarakat Islam adalah seperti sebuah bangunan yang indah tetapi tua dan telah menjadi lemah kerana terabai sekian lama. Asasnya adalah sangat kukuh, tetapi pembinaan batu bata memerlukan perhatian segera, plasternya perlu diganti, bahagian hadapannya perlu dihias semula untuk menjadikannya lebih menarik. Di dalamnya, bangunan itu memerlukan keselarasan dengan keperluan zaman, masa kini dan masa hadapan (Ziauddin Sardar 1985). Islam menyambut baik terhadap kejayaan manusia bagi mencapai ke arah kejayaan tamadun manusia yang tinggi, iaitu hasil dari pencapaian keilmuan selaras dengan tujuan Allah s.w.t. mencipta manusia sebagai khalifah di muka bumi (Shalan Abd. Qadir al-Bakiri 1983). Islam juga menyambut baik penemuan baru dan telah menggalakkan umatnya berusaha ke arah tersebut, bagi mempertingkatkan manusia ke arah kehidupan yang tinggi (Mohd. Jamil Sulaiman 1999).

Oleh itu, persediaan untuk memahami *waqi'* (realiti) adalah sangat penting agar ummah dapat mengetahui sejauh manakah jahiliyyah dapat menular masuk ke dalam masyarakat Islam. Begitu juga persediaan di sudut meningkatkan mutu ummah dan melahirkan tokoh-tokoh dalam bidang teknologi dan pelbagai bidang. Persediaan-persediaan tersebut boleh dicapai dengan melibatkan diri dalam program-program yang berbentuk siyasi (teori atau praktik) (Mohd. Jamil Sulaiman 1999).

Program berbentuk teori boleh dibuat melalui program-program seperti ceramah, bacaan dan perbincangan. Manakala program praktik

ialah dengan penglibatan dalam pergerakan atau organisasi yang tertentu. Kedua-dua program ini boleh dicapai dengan berkesan jika masyarakat mengambil peluang dengan kehadiran era teknologi maklumat. Umat Islam jangan membiarkan era ini berkubur kerana penguasaan teknologi akan menentukan keupayaan daya saingan kita menjelang alaf akan datang.

Persediaan dalam memahami teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) amat penting agar ummah dapat mencapai matlamat berikut (Mohd. Jamil Sulaiman 1999);

- i. Mengetahui sejauh manakah ICT boleh menular masuk ke dalam masyarakat Islam.
- ii. Mengetahui dasar-dasar dan cara-cara yang digunakan untuk memperkuatkan umat Islam.
- iii. Mengetahui cara dan menguasai persekitaran digital.
- iv. Menyedari tentang beberapa kelemahan teknologi ini.

Kefahaman ini pula perlu selalu mendapat rangsangan, semoga ianya hidup dan membawa manfaat kepada manusia seluruhnya. ICT boleh diberi gambaran analogi sebagai sebuah pokok yang mempunyai beberapa ranting. Ranting-ranting pokok ini merupakan cabang-cabang ICT seperti multimedia, telekomunikasi, internet, kepintaran tiruan (*artificial intelligence*), komputer, perisian, piawaian dan sebagainya (Mohd. Jamil Sulaiman 1990).

Multimedia Sebagai Medium Dakwah

Tarikan dan keberkesanan dakwah bukan sahaja disebabkan oleh kesesuaian pemilihan dan gaya persembahan, malah juga disebabkan oleh kesesuaian media dan saluran. Kalau-lah ketiga-tiganya dapat disesuaikan, sudah tentu kesannya lebih besar dari satu atau dua yang dapat disesuaikan. Maka dakwah yang tidak disalurkan melalui media yang sesuai dengan sasaran boleh mengurangkan tarikan dan pengaruh kepadanya (Ab. Aziz Mohd Zain 2001).

Dari sudut inilah, pendakwah perlu memainkan peranan yang penting dalam mengatur kehidupan individu dan masyarakat agar mereka dapat mengikis kejahilan umat dengan gaya persembahan yang menarik. Langkah ini perlu dilaksanakan agar perkembangan dakwah dapat digerakkan dengan matang. Pendekatan dakwah harus berpandukan kepada firman Allah s.w.t.;

Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik.

(Surah al-Nahl: 125)

Sebagai sebuah wadah yang bersifat sejagat dan interaktif, para pendakwah perlu mendalami aspek-aspek komunikasi yang baru (Abdul Rahman Mohd Said 1990);

- i. Memahami perbezaan internet dengan media masa yang lain dan menjadi model perhubungan dan komunikasi yang berbeza. Tidak seperti akhbar, radio atau televisyen, internet merupakan sebuah wadah yang interaktif dan memerlukan gaya dan pendekatan yang berlainan dari proses komunikasi biasa.
- ii. Sentiasa mengenal pasti selera pengguna. Justeru itu, pendakwah dapat menggunakan cara-cara terbaik untuk memikat mereka. Demografi pengguna bertukar dengan cepat dan kita harus juga cepat bertindak balas terhadap perubahan.
- iii. Mengenal pasti trend dan perkembangan baru dalam teknologi internet dan multimedia. Bidang ini sentiasa berubah dengan produk-produk dan teknologi terbaru. Pendakwah harus meneliti kemungkinan menggunakan teknologi terkini, tetapi pendakwah tidak harus terikat kepadanya.
- iv. Menyedari bahawa pengisian lebih penting dari teknologi, kualiti dan persembahan serta nilai-tambah yang membuatkan seorang pengguna sering mengunjungi sesebuah laman.
- v. Memberi penekanan kepada kualiti. Laman yang bersifat khutbah ataupun berbau akademik tentunya tidak akan menarik minat pengunjung yang inginkan maklumat yang cepat diperolehi dan mudah difahami.
- vi. Mendokong berbagai-bagai bahasa. Pendakwah berkomunikasi dengan pengguna di seluruh dunia. Seringkali pengguna muda Melayu lebih senang menggunakan Bahasa Inggeris. Untuk memikat mereka, pendakwah harus menggunakan bahasa yang mereka lebih fasih.
- vii. Pengamalan prinsip-prinsip komunikasi yang berkesan.

Menurut Hamid Mowlana, yang membezakan falsafah penyebaran ilmu atau informasi antara tradisi Islam dan barat ialah Islam tidak menganggap komoditi, tetapi lebih kepada *service* yang mengutamakan moral dan etika bagi tujuan pembangunan insan (Zulkifle Abdul Ghani 1999). Dari segi falsafah, terdapat perbezaan ketara dalam hala tuju antara “Paradigma Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang sedang dibina

masyarakat barat kini dan hala tuju sepatutnya dalam Paradigma Komuniti Islam (PKI)". PMB digambarkan oleh ideologi pasca-modenisme dan pasca-industri, yang tidak akan membuang sistem sosial, tetapi akan menganggap informasi lebih bernilai berbanding produk material.

Berbeza dengan PMB, PKI bagaimanapun memberi penekanan pada tasawwur dan inspirasi tauhid yang menjadi parameter kepada informasi. Informasi tidak *value-free*, tetapi mempunyai norma-norma, etika dan moral. Pegangan kepada tauhid akan memberi makna dan memandu pengendali informasi (pendakwah) dengan tidak menganggap informasi sebagai hak ekslusif dan komoditi seperti yang dikuasai oleh negara-negara maju ketika ini (Zulkifle Abdul Ghani 1999).

Penutup

Apabila kita merenung kembali sejarah pendidikan masa lampau, pasti umat Islam dapat merasai pendekatannya amat berbeza sekali. Dahulunya pendidikan yang bercorak penjajah telah mula diubah dengan konsep pendidikan yang lebih tersusun dan moden. Kemajuan ini termasuklah dalam dakwah Islam. Kefahaman Islam (ilmu akidah, tauhid, fiqh, sejarah dan lain-lain) akan lebih menarik dengan adanya sokongan video dan gambar. Sebagai contoh dalam ilmu sejarah Islam, multimedia mampu mempamerkan gambar-gambar seni bina Islam yang lampau dan melihatnya dengan lebih dekat dengan menggunakan kaedah tiga dimensi. Manakala melalui teknologi talian terus (internet), para pengguna boleh berbincang dengan para ulamak secara interaktif melalui IRC (*Internet Relay Chat*), *newsgroup* dan *e-mail*. Konsep ini bukan sahaja mengambil kaedah interaktif antara individu dengan individu yang lain, bahkan antara individu dengan orang ramai.

Maklumat menjadi agenda terpenting dalam kehidupan. Mereka yang bermaklumat akan disanjung dan mereka yang kurang serta tidak bermaklumat akan dipinggirkan. Penekanan kepada masyarakat berinformasi menyebabkan masyarakat akan didedahkan kepada berbagai bahan yang mendorong mereka untuk mencapai suatu maklumat. Masyarakat mestilah memahami konsep serta persaingan yang bakal dihadapi. Kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT) adalah aspek yang boleh diketengahkan dan diperaktikkan dalam mendalamai teknologi maklumat.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Ab. Aziz Mohd Zain. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

_____. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Abdul Monir Yaacob (1994). “Ilmu Teras Keunggulan Ummah” dalam Siti Fatimah Abdul Rahman dan Hamiza Ibrahim, *Islam: Penyelesaian Permasalahan Zaman Moden*. (3). Kuala Lumpur. Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Rahman Mohd Said (1999). “Membimbang Ummah Melalui Multimedia” dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman. *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdullah Mohd Zin dan Mohd Jan Nordin (2000). *Perkongsian Maklumat*. Prentice Hall.

Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman (1999). *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Al-Aluri, Adam Abdullah (t.t.). *Tarikh al-Da’wah Ila Allah Bain al-Amsi wa al-Yaum*. Jil. 2., Qaherah: Maktabah al-Wahbah.

Al-Abrashi, Mohammad ‘Atiyyah (1967). *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Falasifatuhu*. Misr: ‘Isa al-Bab al-Halabi wa Syurakatuhi.

Al-Bakiri, Shalan Abd. Qadir (1983). Abu Laila dan Mohd Tahir. *al-Qur'an dan Pembinaan Insan* (terj.). Jakarta: Dar al-Ma’arif.

Al-Ghazali (1976). *Ihya’ ‘Ulum al-Din*, Jil. IV., Qaherah: al-Mu’asasah Halabi wa Syurakatuhi.

- Al-Ghazali, M. (1989). *Ma'Allah: Dirasat fi al-Da'wah wa al-Du'ah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradawi, Yusuf (1978). *Thaqafah al-Da'iyyah*. Beirut.
- Al-Umari, Akram Diya' (2001). *Masyarakat Madani di Madinah*. (terj.). Kuala Lumpur: The International Islamic Thought.
- Anwar, Mumtaz A. (t.t.). *Information Servicer in Muslim Countries*. London and New York: Mansell Publishing Limited.
- Bucaille, Maurice (1978). *The Bible, The Qur'an and Science*. USA: American Trust Publication.
- Hassan Langgulong (Prof. Dr.) (1967). *Pendidikan Islam Satu Analisa Sosio Psikologikal*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Lyotard, Jeans Francois (1986). *The Post-Modern Condition A Report of Knowledge*. Manchester University Press.
- Kamus Dewan (1992). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manzur, Ibnu (t.t.). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadit.
- Mashkuri Hj. Yaacob, Salimah Mokhtar, Abdullah Abd. Ghan (1999). “Multimedia dari perspektif al-Qur'an” dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman, *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd. Jamil Sulaiman (1999). ‘Peluang Ummah dalam Pembangunan Multimedia’ dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman, *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Onions, C.J. (t.t.). *The Shorter Oxford Dictionary in Historical Principles*. Edisi 3. Oxford Universiti Press.
- Oxford Advanced Leaners Dictionary (1993). Oxford University Press.

Qamihah, Jabir (1996). Modaser Rosder dan Mohd Zawawi Abdullah (terj.). *Nilai-nilai Islam Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Sardar, Ziauddin (1990). Mohd. Sidin Ahmad Ishak (terj.). *Masa Hadapan Islam: Bentuk Idea Yang Akan Datang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (1985). *Islamic Future The Shape of Ideas To Come*. London: Mansell Publishing Limited.

_____. (1995). *Strategi Dunia Islam Abad Ke-21* (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shanti Balraj Ambigapathy (1999). “Ke Arah Mewujudkan Generasi Celik Multimedia” dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman. *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Siti Fatimah Abdul Rahman dan Hamiza Ibrahim (1994). *Islam: Penyelesaian Permasalahan Zaman Moden*. Edit. Jil. 3. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Sulaiman Nordin (1995). *Sains Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusoff Zaky Yacob (1970). *Sumbangan Islam Kepada Dunia*. Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn. Bhd.

Zulkifle Abdul Ghani (1999). “Imperatif Multimedia dalam Pembangunan Ummah” dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

AIZA BUDIN, MINAH DIBOK, RUAAIN MUSTARI & SHARIFAH FAIGAH SYED ALWI, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA Pahang. aizabudin@pahang.uitm.edu, minah@pahang.uitm.edu, ruaain@pahang.uitm.edu, sfaigah@pahang.edu